

Headline	Undang-undang benar rakyat tangani jenayah	Language	Malay
Date	27 Jul 2010	Page No	16
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	435 cm ²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	12,320
Frequency	Daily	PRValue	36,960
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		



Undang-undang benar rakyat tangani jenayah

Konsep menyeru ke arah kebaikan, cegah kemungkararan penting

SETIAP hari, ketika membuka halaman akhbar, kita akan membaca laporan berkaitan jenayah dan gejala sosial. Sekiranya diperhatikan, laporan kejadian jenayah ini membabitkan jenayah berat dan jenayah seksual yang merimaskan dan ada kala amat meloyakan.

Dalam banyak keadaan, cerita dan berita yang dilaporkan seolah-olah tidak tercapai akal. Adakalanya mereka yang menggelarkan diri mereka sebagai seorang yang alim dalam agama sanggup melakukan perbuatan yang tidak patut dilakukan oleh seorang manusia. Sampai ke tahap itu seriusnya penyakit sosial yang ada dalam masyarakat kita.

Saya percaya, persoalan ini bukan saja ada di dalam fikiran saya, malah ia mungkin berada pada minda ramai anggota masyarakat. Persoalannya, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh semua anggota masyarakat untuk membantu pihak berkuasa dalam menangani jenayah dan gejala sosial?

Apa yang ingin saya kongsi bersama pembaca dalam ruangan ini ialah mengenai peranan masyarakat yang sudah dimaktubkan di dalam peruntukan undang-undang bagi membantu pihak berkuasa untuk mencegah atau menangani jenayah.

Dalam konteks undang-undang yang ada di dalam negara kita, peruntukan yang mengenakan tanggungjawab ke atas ahli masyarakat bagi membantu pihak berkuasa dalam menangani masalah jenayah boleh dilihat dalam undang-undang prosedur jenayah dan juga Kanun Keseksaan.

Pihak berkuasa, terutama polis, sekiranya perlu, berhak menahan serta menangkap mana-mana orang bagi tujuan mengenal pasti identitinya atau menahan sesuatu kenderaan bagi mencari bukti mengenai apa-apa perbuatan jenayah. Masyarakat pula dikenakan tanggungjawab bagi membantu pihak berkuasa dalam keadaan ini.

Mengikut perundangan yang ada, terutama undang-undang berkaitan prosedur jenayah misalnya, masyarakat mempunyai tanggungjawab undang-undang untuk membantu polis bagi menguatkuasa undang-undang dengan cara memberikan maklumat atau mem-

Headline	Undang-undang benar rakyat tangani jenayah	Language	Malay
Date	27 Jul 2010	Page No	16
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	435 cm²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	12,320
Frequency	Daily	PRValue	36,960
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

bantu polis di dalam menjalankan tugas ini.

Sebagai contoh, Seksyen 13 Kanun Prosedur Jenayah mengenakan tanggungjawab ke atas ahli masyarakat untuk menyampaikan maklumat berkaitan kesalahan jenayah atau persediaan mana-mana orang untuk melakukan jenayah tertentu kepada pihak berkuasa.

Peruntukan di dalam undang-undang prosedur ini, walau bagaimana pun tidak menyediakan hukuman ke atas sebarang kegagalan memberi maklumat pertama kepada pihak berkuasa. Mungkin ini menjadikan sesetengah pihak di dalam masyarakat enggan mengambil kisah mengenai sesuatu perlakuan jenayah.

Walaupun begitu, sekiranya diarahkan pihak berkuasa untuk membantu pihak berkuasa, dia hendaklah membantu. Dalam kata lain, sekiranya seseorang itu mendapat arahan daripada pihak berkuasa untuk melakukan sesuatu, tetapi dia enggan melakukannya, maka dia boleh didakwa bagi kesalahan yang disebut di bawah Bab 10 Kanun Keseksaan.

Menurut Kanun Keseksaan, keengganan menyampaikan maklumat mengenai sesuatu kesalahan adalah satu kesalahan jenayah dan ahli masyarakat yang enggan memberi maklumat itu boleh didakwa di bawah seksyen 176 Kanun Keseksaan. Hukuman yang boleh dikenakan mencecah tempoh enam bulan penjara atau denda yang boleh mencapai RM2,000.

Ahli masyarakat juga mempunyai peranan untuk menghormati tugas pihak berkuasa dan perbuatan menghalang penjawat awam dalam melaksanakan tugasnya adalah satu kesalahan jenayah di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan dan hukuman yang boleh dikenakan ialah penjara, bagi tempoh mencecah dua tahun atau denda RM10,000.

Sekiranya diminta, seorang orang awam juga mempunyai tanggungjawab

undang-undang untuk membantu penjawat awam serta penguat kuasa, termasuk polis. Keengganan untuk membantu adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 187 Kanun Keseksaan, dan hukumannya mungkin mencecah tempoh enam bulan penjara atau denda sehingga RM1,000.

Saya percaya, masyarakat Malaysia menyedari mengenai wujudnya peruntukan undang-undang ini. Pada pendapat saya, walaupun masyarakat sudah diberikan tanggungjawab undang-undang untuk membantu pihak berkuasa dalam menangani jenayah atau juga masalah sosial, tanggungjawab itu tidak begitu berkesan dalam menangani masalah yang kita hadapi. Wujud pelbagai kemungkinan mengenai ketidakberkesanan ini.

Ini mungkin kerana keadaan persekitaran dan budaya kehidupan kejiaran yang berubah, terutama di bandar. Keadaan persekitaran ini menjadikan masyarakat Malaysia agak kurang prihatin mengenai peranan dan tanggungjawab undang-undang ini.

Selain daripada itu, penguatkuasaan undang-undang mengenai tanggungjawab berkenaan tidak begitu menyerlah atas pelbagai sebab, termasuk proses pendakwaan. Ini akan mengakibatkan tanggungjawab undang-undang itu tidak begitu diberi perhatian oleh ahli masyarakat. Atau, ia mungkin kerana undang-undang terbabit masih belum memadai untuk memberikan rasa tanggungjawab masyarakat mengenai pencegahan jenayah.

Penguatkuasaan undang-undang atau mendakwa sesiapa yang gagal menjalankan tanggungjawab undang-undang untuk membantu pihak berkuasa dalam aktiviti mencegah jenayah mungkin menjadi mekanisme berkesan untuk menyedarkan masyarakat mengenai tanggungjawab mereka.

Namun, pada masa sama, isu lain yang perlu diberikan perhatian ialah

kesedaran masyarakat. Walaupun penguatkuasaan undang-undang boleh membantu, sikap masyarakat umumnya tidak boleh dibentuk dengan undang-undang dan penguatkuasaan.

Pelaksanaan undang-undang akan menjadi lebih berkesan sekiranya masyarakat mempunyai kesedaran sepenuhnya mengenai tanggungjawab mereka yang sebenar. Pada pendapat saya, konsep menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran mungkin boleh membantu membentuk sifat tanggungjawab masyarakat.

Dalam sistem ini, masyarakat ditanam dengan nilai menghormati kepentingan keseluruhan masyarakat dan mendahulukan kepentingan umum daripada kepentingan diri sendiri. Sistem ini meletakkan tanggungjawab ke atas semua ahli masyarakat untuk menjaga keadaan sekitar supaya bebas daripada perkara yang boleh membawa kepada keburukan atau jenayah.

Sistem ini secara tidak langsung akan menanam sifat pembabitan dalam hal kemasyarakatan kepada ahli masyarakat. Dalam keadaan ini pendidikan mengenai undang-undang berkaitan tanggungjawab memainkan peranan penting bagi memastikan pembabitan aktif masyarakat dalam menangani masalah jenayah.

Penulis ialah pensyarah Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

